

Wasat adalah warkah dalam talian terbitan Pergas. Diwujudkan bagi menerbitkan apa jua penulisan hasil kajian dan pemikiran yang bertemakan *wasatiyah* (kesederhanaan). Ia bertujuan menyebarkan idea dan menggalakkan wacana *wasatiyah* dalam kefahaman dan amalan Islam dalam konteks masyarakat Islam Singapura.

Sumbangan bahan penulisan amat dialu-alukan. Semua bahan penulisan haruslah memenuhi kriteria berikut:

- Bertemakan *wasatiyah* atau relevan dengan tema *wasatiyah*. Penyumbang boleh menulis dari apa jua sudut i.e. fiqh, akidah, akhlak, falsafah, sosio-agama, atau politik-agama asal sahaja isinya dapat dikaitkan dengan tema *wasatiyah*.
- Panjang penulisan ialah, minimum 1000 perkataan dan maksimum 2500 perkataan.

Penerbitan penulisan yang disumbangkan ialah atas budi bicara penuh pihak penyunting.

Pihak penyunting mempunyai hak untuk melakukan suntingan yang munasabah bagi bahan yang disumbangkan atas faktor-faktor bahasa atau ruang.

Untuk menyumbang, sila hantarkan penulisan anda ke wasat@pergas.org.sg

Barisan Penyunting: Ustaz Irwan Hadi Mohamad Shuhaimi, Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Mohd. Yusoff, Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Puan Sundusia Rosdi **Grafik / halaman web / pembantu teknikal:** Remy Mahzam, Ustazah Khairunnisaa Abdul Rahim

Edisi (Edition) no. 19 / Februari 2018

Kandungan

- **Dari meja penyunting...** (mukasurat 2)
- **Memahami *Mutasyabihat* dan *Muhkam* Melalui Tafsir Ayat 7, Dari Surah Al Imran**, oleh Ustaz TM Fouzy TM Mahid Jumat (mukasurat 3)
- **Tafsiran *Wasati* Bagi Maksud *Nusyuz*: Kajian Perbandingan Antara Golongan Ulama Islam & Feminis Muslim**, oleh Ustaz Mohammad Yusri Yubhi bin Md. Yusoff, Ustazah Khairunnisaa Abdul Rahim & Ustazah Zanaria Jusary (mukasurat 10)
- **Melayu Yang Hebat: Menanggapi Sejarah Dengan Kaca Mata Kesederhanaan**, oleh Hafiz Kusairi (mukasurat 16)

Nota: Hakcipta penerbitan artikel ini dimiliki oleh Pergas. Tidak dibenarkan mengulang cetak artikel ini di mana-mana wadah penerbitan lain dan dalam bentuk apa jua bentuk tanpa izin dari Pergas. Namun, keizinan diberikan untuk mengongsi artikel ini melalui alamat url yang asal.

Segala pendapat yang dikemukakan oleh para penulis artikel adalah milik penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Pergas, kecuali jika dinyatakan sedemikian secara tersurat oleh Pergas.

CONNECT WITH US



www.wasatonline.wordpress.com

Dari meja penyunting....

Alhamdulillah, Allah taala masih mengizinkan *Wasat* untuk bertemu para pembaca melalui edisi no. 19/Februari 2018.

Moga para pembaca berada di bawah rahmatNya dan terus beroleh manfaat dari edisi terkini ini.

Wasat sentiasa berusaha untuk membentangkan artikel-artikel dari pelbagai bidang yang menarik buat pembaca. Kali ini, tiga artikel dipilih.

Yang pertama adalah sumbangan Ustaz TM Fouzy TM Mahid Jumaat yang bertajuk **Memahami *Mutasyabihat* dan *Muhkam* Melalui Tafsir Ayat 7, Dari Surah Al Imran**. Artikel ini boleh dikatakan sambungan bagi artikel pertama beliau yang diterbitkan oleh *Wasat* dalam edisi no. 17/Oktober 2017 atas topik yang sama. Artikel ini menghuraikan konsep ayat *mutasyabihat* dan *muhkam* berdasarkan fahaman ulama Ahlussunnah Wal Jamaah (ASWJ) dari aliran Salaf dan Khalaf melalui perbincangan tafsir bagi ayat 7 dari surah Al Imran. Artikel ini menegaskan khilaf antara Salaf yang berpegang pada kaedah *tafwidh* dan Khalaf yang berpegang pada kaedah *takwil* di kalangan ASWJ adalah diterima. Yang ditolak adalah *tajsim* (menyerupakan Allah taala dengan sifat-sifat makhluk), walau pun jika ia mendakwa dari kalangan ASWJ.

Artikel kedua bertajuk **Tafsiran *Wasati* Bagi Maksud *Nusyuz*: Kajian Perbandingan Antara Golongan Ulama Islam & Feminis Muslim** yang ditulis secara bersama oleh Ustaz Mohammad Yusri Yubhi bin Md. Yusoff, Ustazah Khairunnisaa Abdul Rahim dan Ustazah Zanaria Jusary. Artikel ini juga adalah sambungan dari artikel lalu yang ditulis oleh para penulis yang sama yang bertajuk ***Wasati* Dalam Memahami Tafsiran Maksud *Dharb* Menurut Ulama**, terbitan *Wasat* 18, edisi Disember 2017. Oleh itu, kedua-dua artikel ini bagus dibaca secara bersama untuk mendapatkan fahaman yang baik kerana topik yang dibincangkan saling berkaitan. Artikel kali ini membahaskan erti *nusyuz* yang

terdapat Al-Quran melalui tafsiran ulama tradisional silam dan masa kini yang dibandingkan dengan tafsiran pemikir feminis Muslim. Walau pun artikel ini mengakui *nusyuz* juga boleh berlaku di pihak suami, tapi ia memfokuskan perbincangannya pada erti *nusyuz* pada isteri dengan melihat pada tafsir bagi ayat 34, dari surah Al-Maidah.

Artikel ketiga bertajuk **Melayu Yang Hebat: Menanggapi Sejarah Dengan Kaca Mata Kesederhanaan**. Artikel tulisan saudara Hafiz Kusairi ini membincangkan sikap yang sederhana dalam melihat sejarah, iaitu sejarah sebagai sumber pengajaran yang baik untuk diteladani dan yang buruk untuk dijaui, tidak menjadikan sejarah sebagai sebab merasa megah dengan pencapaian silam semata-mata dan lebih buruk lagi untuk menyulut sikap perkauman terhadap bangsa lain, dengan memandang rendah terhadap mereka dan mengabsahkan akhlak keji serta tingkah laku yang zalim.

Sekian.. Bacalah dengan nama Tuhanmu yang mencipta.



Memahami *Mutasyabihat* dan *Muhkam* Melalui Tafsir Ayat 7, Dari Surah Al-Imran

Oleh Ustaz TM Fouzy TM Mahid Jumat

Pengenalan pada ayat

Allah taala berfirman:

“Dialah yang menurunkan Al-Kitab (Al-Quran) kepada kamu. Di antara isinya ada ayat-ayat yang *muhkam*, itulah pokok-pokok isi Al-Quran. Dan yang lain (ayat-ayat) *mutasyabihat*. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang *mutasyabihat* untuk menimbulkan fitnah, dan untuk mencari-cari takwilnya. Padahal tidak mengetahui takwilnya itu melainkan Allah, dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata “Kami beriman kepada ayat-ayat *mutasyabihat*, semuanya itu dari sisi Tuhan kami” Dan tidak mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang-orang yang berakal.” (surah Al-Imran: 7)

Ayat ini menjelaskan bahawa ayat-ayat suci Al-Quran terbahagi pada dua, 1) *muhkam*, dan 2) *mutasyabihat*.

Apa itu ayat-ayat *muhkam* dan *mutasyabihat*?

Muhkam adalah kata banyak bagi kata *muannath* tunggal *muhkamah*. Lawan jenisnya ialah kata *muzakkar* tunggal *muhkam*. Menurut bahasa Arab, apabila sesuatu perkara dikatakan *muhkam* ia bermaksud benda yang kuat dan kukuh yang menghalang apa-apa pencerobohan terhadapnya.

Majduddin Fairuz Abadi, seorang tokoh bahasa Arab, menulis dalam kitab *Kamus* beliau, “Ayat *muhkam* ialah yang tidak perlu pada takwil untuk menerangkannya bagi si pendengar.”

Imam Al-Qurtubi dalam kitab tafsirnya menulis, “Yang dimaksudkan dengan *muhkam* ialah [ayat-ayat] yang tidak ada kekeliruan di dalamnya dan tidak mungkin ada makna kecuali satu sahaja.”

Imam Al-Jauzi Al-Hanbali pula ketika menjelaskan beberapa makna *muhkam* dalam *Zad Al-Masir*, “[*Muhkam*] itu berdiri dengan sendiri dan tidak berhajat kepada penerangan. Menyebut yang demikian itu oleh Qadhi Abu Ya’la menyatakan sedemikian dari Imam Ahmad. Imam Al-Syafi’i dan Ibn Al-Anbari pula berkata ia adalah sesuatu yang tidak mungkin ditakwil kecuali dengan satu makna sahaja.”

Contoh-contoh ayat *muhkam*, ialah firman Allah taala:

- “Allah tidak serupa sesuatu, dan Dia adalah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.” (surah Al-Syura: 11)
- “Dan tidak ada seseorang pun yang serupa dengan Allah.” (surah Al-Ikhlâs: 4)

Kedua ayat di atas adalah *muhkam* dalam soal Allah taala tidak menyerupai makhluk sama sekali dan yang sebaliknya juga kerana maksudnya tidak mengandungi kesamaran.

Mengenai *mutasyabihat*, Imam Al-Fayyumi (*Al-Misbah*, ms. 304) menulis, “*Tasyabahat* sama erti dengan *iltabasat* (kekeliruan), sesuatu yang tidak nyata dan tidak jelas, dan *musyabahat* (*mutasyabih*) adalah perkongsian dalam satu makna dari beberapa makna.”

Dengan erti lain, ia adalah lafaz yang mengandungi lebih dari satu makna. Dari sudut istilah syarak, ialah sekalian ayat dan hadis yang seolah-olah menyerupakan Allah taala dengan makhluk seperti firman Allah taala;

- “Yad (Tangan) Allah di atas tangan mereka.” (surah Al-Fath: 10)
- “Al-Rahman di atas ‘arasy *istawa* (bersemayam).” (surah Taha: 5)



Lafaz *yad* dan *istawa* adalah lafaz *mutasyabihat* kerana kedunya seolah-olah pada zahir menyerupakan Allah taala dengan sifat makhluk. Namun, lafaz-lafaz ini mengandungi makna yang lebih dari satu makna yang

boleh difahami dalam bahasa Arab dan sesuai dengan kebesaran dan keagungan Allah taala. Sebagai contoh lafaz *yad* boleh juga bermakna rahmat dan lafaz *istawa* boleh bermakna berkuasa.

Dalam hal ini, perkataan *mutasyabih* bukan sesuatu yang tidak boleh difahami sama sekali, walau pun maknanya tidak jelas disaat kali pertama diungkap ke telinga pendengar. Maknanya boleh diketahui setelah ada petunjuk yang mengalihkan maknanya yang zahir (teks asal) pada makna yang lebih sesuai.

Beberapa isu penting

Ayat 7, dari surah Al Imran memberi beberapa pengajaran penting berkaitan tajuk yang dibincangkan.

Pertama: Kedudukan ayat-ayat muhkamat

Allah taala berfirman, "Di antara isi kandungan Al-Quran adalah ayat *muhkamah* dan ia adalah *um al-kitab*." (Al Imran: 7)

Apakah yang dikehendaki oleh Allah taala dari lafaz *um al-kitab* dalam ayat ini?

Dari sudut bahasa, *Um* bermakna ibu, induk dan tempat rujuk yang terpenting.

Adapun dari segi tafsiran yang dikehendaki adalah seperti berikut:

1. Saiyidina Abdullah Ibn Abbas r.a dalam *Tafsir Ibn Abbas* (ms 55) berkata, "Erti *Um Al-Kitab* ialah inti asal kitab dan imam bagi keseluruhan Al-Quran dan diamalkan dengannya."
2. Imam Ibn Kathir dalam *Tafsir Ibn Kathir* (1/344) menulis, "Ia adalah asal/inti Al-Quran yang dirujuk padanya ketika berlaku kesamaran."
3. Ditulis dalam *Tafsir Jalalain* (1/124), "Ia adalah asal/inti Al-Quran yang menjadi pegangan dalam hukum-hukum."

Oleh itu, dapat disimpulkan makna *um al-kitab* ialah ayat-ayat *muhkamah* yang membentuk induk kandungan Al-Quran yang dipegang dalam soal hukum dan dirujuk padanya segala maksud ayat-ayat *mutasyabihat*.

Kedua: Petanda golongan yang condong kepada kesesatan

Hal ini disebut dalam, "Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan (*zaygh*), maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang *mutasyabih*, untuk timbulkan fitnah dan mencari-cari takwilnya."

Makna kesesatan dari perkataan *zaygh* sesuai juga dengan firman Allah taala, "Ya Allah, janganlah Engkau sesatkan hati-hati kami setelah Engkau berikan hidayat kepada kami, dan kurniakanlah kami rahmat dari sisiMu, sesungguhnya Engkau Maha Pemberi Kurniaan." (surah Al Imran: 8)

Berdasarkan ayat-ayat di atas juga dapat difahami bahawa *zaygh* unsur penyelewengan atau kesesatan yang dilarang agama.

Dua tanda golongan yang condong kepada kesesatan yang terlarang.


1. Mendalami sebahagian ayat-ayat *mutasyabihat* untuk menimbulkan fitnah.

Hal ini boleh dilihat secara jelas apabila Allah taala memulakan ayat ini dengan memberi petunjuk bahawa ayat-ayat *muhkamah* ialah induk Al-Quran yang sepatutnya menjadi rujukan kepada ayat-ayat *mutasyabihat* kerana sifatnya yang mengandungi lebih dari satu makna. Jika *mutasyabihat* digunapakai pada makna yang zahir, ia akan membawa pada kekeliruan yang boleh menjatuhkan seseorang dalam kesesatan dan menimbulkan

fitnah yang terlarang kepada umat Islam kerana ia menyalahi ayat *muhkamah* yang melarang penyerupaan Allah taala seperti makhluk. Mengembalikan *mutasyabihat* kepada *muhkamah* dan larangan penyerupaan Allah taala dengan makhluk adalah prinsip yang dipersetujui oleh semua ulama ASWJ.

2. Mencari-cari takwil.

Takwil yang membawa kepada kesesatan dan kekeliruan adalah dilarang oleh Allah taala, seperti mengaitkan ayat-ayat *mutasyabihat* dengan makna-makna yang bertentangan dengan apa yang telah Allah taala nafikan dari zat, sifat dan perbuatanNya Yang Maha Suci sebagaimana dalam firmanNya, "Allah tidak serupa sesuatu dan Dia adalah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (surah Al-Syura: 11)



Adapun takwil yang selaras dengan bahasa Arab dan prinsip mensucikan Allah taala dari penyerupaan dengan makhlukNya diharuskan dan ia digunapakai secara meluas oleh para ulama ASWJ.

Kalau tidak, kita akan menghukumkan semua takwil itu haram dan menyesatkan dan ini pasti bercanggah dengan doa Rasulullah s.a.w untuk Sayyidina Abdullah bin Abbas r.a., "Ya Allah, fahamkanlah dia dalam agama dan ajarilah dia takwil."

Selain itu, jika semua takwil itu sesat nescaya Allah taala tidak akan menyandarkannya kepada ZatNya, sebagaimana firmanNya, "Dan tiada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah."

Imam Al-Qurtubi dalam kitab tafsirnya (4/13) menulis;

"Adapun firman Allah taala, 'Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang *mutasyabihat* untuk timbulkan fitnah dan mencari-cari takwilnya.' Maka Syekh kami Abu Al-Abbas berkata, "Orang yang mengikut yang *mutasyabihat* tidak terlepas dari tujuan hendak meragukan apa yang terdapat dalam Al-Quran dan menyesatkan orang ramai seperti yang dilakukan oleh kaum zindiq dan golongan Qaramitha (kelompok Syiah) yang mencacatkan Al-Quran, atau kerana mereka beriktikad dengan yang zahir ayat-ayat *mutasyabihat* seperti apa yang dilakukan oleh golongan *mujassimah* yang mengumpulkan apa-apa yang terdapat dalam Al-Quran dan Sunnah yang zahirnya adalah jisim. Sehingga mereka beriktikad bahawa Allah taala berjisim, berbentuk tubuh badan yang ada wajah, mata, tangan, lembung, kaki dan jari."


Imam Al-Syatibi pula menulis dalam kitab *Al-I'tisam* (1/297) apabila membawa contoh orang-orang yang cenderung kepada kesesatan, "Contoh mereka yang sesat dalam agama Islam ialah mazhab Al-Zahiriyyah apabila menetapkan anggota tubuh dan badan kepada Allah seumpama mata, tangan, kaki, wajah yang boleh disentuh dan arah dan selain itu...."

Ketiga: Bolehkah takwil bagi ayat mutasyabihat berlaku?

Hal ini berkaitan dengan firman Allah taala, "Padahal tidak mengetahui takwilnya itu melainkan Allah, dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata, 'Kami beriman kepada ayat-ayat *mutasyabihat*, semuanya itu dari sisi Tuhan kami'."

Ulama tafsir dari kalangan ASWJ berbeza pendapat mengenai huruf *waw* (dan) pada ayat, "...melainkan Allah, dan orang-orang yang mendalam ilmunya..".

Pendapat pertama mengatakan bahawa huruf *waw* di situ adalah *waw isti'naf*, iaitu *waw* bagi permulaan ayat baru. Maka "...dan orang-orang yang mendalam ilmu berkata....." adalah ayat baru bukan penerus bagi "...dan tiada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah..".



Dengan tafsiran seperti ini, mereka berpendapat bahawa Allah taala sahaja yang mengetahui maksud sebenar ayat-ayat *mutasyabihat*. Ini adalah pendapat kebanyakan ulama Salaf dari kalangan ASWJ. Namun jangan lupa, ulama kalangan ini hanya berpendapat sedemikian selepas mereka menyucikan Allah taala dahulu dari penyerupaan dengan makhluk kerana mereka merujukkan ayat-ayat *mutasyabihat* itu kepada ayat-ayat *muhkamat* yang menafikan Allah dari segala penyerupaan dengan makhluk.

Pendapat kedua mengatakan bahawa huruf *waw* adalah *`atf*, iaitu kata penyambung bagi ayat yang sebelumnya. Maka erti ayat ini ialah, "...tidak ada yang mengetahui akan takwil ayat-ayat *mutasyabihat* melainkan Allah dan orang-orang yang mendalam ilmu..".

Golongan ini berpendapat ayat-ayat *mutasyabihat* boleh diketahui makna dan maksudnya oleh para ulama. Golongan ini ialah ulama Khalaf dan sebahagian dari kalangan ulama Salaf dalam ASWJ.

Imam Al-Nawawi dalam kitab *Syarh Muslim* (16/217) menulis tentang firman Allah taala dalam ayat 7, dari surah Al-Imran, "Para ulama telah berbeza pendapat dalam perkara "orang-orang yang mendalam ilmu", samada mereka mengetahui akan takwilnya? Adakah huruf *waw* pada *wa al-rasikhun* sebagai kata sambung atau sebagai tanda berhenti bagi, "...dan tiada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah.." dan "Dan

orang-orang yang mendalami ilmu berkata: Kami beriman dengannya.." adalah permulaan ayat baru?

Imam Al-Nawawi kemudian mengulas lagi, "Dan setiap satu dari kedua-dua pendapat itu boleh dipakai dan beberapa golongan telah berpegang padanya. Namun yang lebih benar ialah pendapat pertama (waw sebagai kata sambung) kerana amat janggal untuk kita katakan bahawa Allah berbicara kepada hamba-hambanya tentang sesuatu tanpa ada jalan bagi seseorang pun dari makhlukNya untuk mengetahuinya. Demikian juga apabila Allah taala mengatakan "... tiada yang mengetahui akan takwilnya (ayat-ayat *mutasyabihat*) melainkan Allah", bukan bermakna Dia menafikan kewujudan takwil.... yang dinafikan di sini ialah orang-orang yang mengetahui ilmu takwil. Ertinya, takwil itu wujud, cuma siapakah yang mengetahuinya? Itulah yang menjadi pembahasan.

Atas dasar ini, Imam Al-Suyuti menulis kitab *Al-Itqan* (2/3), "para ulama berpendapat bahawa ayat-ayat *mutasyabihat* boleh diketahui dan pendapat ini telah diriwayatkan dari Ibn Abbas, Mujahid, Imam Al-Nawawi, Ibn Al-Hajib, Al-Rabi', Muhammad bin Ja'far, Qasim bin Muhammad, Ibn Faruq dan ramai yang lain.

Kenapa perlu takwil ayat *mutasyabihat*?

Dari segi prinsip bahasa Arab, tidak boleh menukar makna zahir sesuatu perkataan pada makna yang lain melainkan jika ada *qarinah* (petunjuk) yang memalingkan ke makna yang bukan zahir. Dalam konteks ayat *mutasyabihat*, ia mengandungi perkataan yang mempunyai lebih dari satu makna, a) makna zahir, dan b) makna bukan zahir yang ditakwilkan. Makna zahir dipalingkan ke makna bukan zahir melalui proses takwil kerana wujud *qarinah* untuk melakukan sedemikian, iaitu makna zahir itu membawa kepada penyerupaan Allah taala dengan makhluk yang bercanggah dengan ketentuan ayat *muhkamah*, "Allah tidak serupa sesuatu, dan Dia adalah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (surah Al-Syura: 11).

Prinsip ini menjadikan ASWJ tidak berpegang pada makna zahir ayat *mutasyabihat*.

Contoh-contoh takwil *mutasyabihat* yang dibenarkan oleh ASWJ

Contoh dari Al-Quran ialah, "Mereka lupa akan Allah, maka Allah lupa mereka." (Surah Al-Taubah: 67) dan, "Sesungguhnya Kami Allah telah lupa kamu." (Surah Al-Sajdah: 14)

Persoalan timbul adakah "lupa" dalam erti kata yang zahir yang diketahui umum sesuai untuk dinisbahkan kepada Allah taala?

Oleh kerana makna zahir dari perkataan "lupa" itu dinilai tidak sesuai dengan sifat Allah taala Maha Sempurna kerana ia sifat kelemahan, golongan ASWJ yang berpegang pada pendapat perlu erti ayat ini dipalingkan ke makna lain yang sesuai, iaitu "meninggalkan". Tambahan pula Allah taala sendiri telah menafikan sifat lupa bagi diriNya dalam ayat, "Dan tidaklah Tuhan engkau itu pelupa!" (Surah Maryam: 64)



Adapun contoh hadis yang perlu ditakwil ialah hadis qudsi yang melaporkan bahawa Allah taala berfirman, "Wahai anak Adam, Aku sakit, tapi engkau tidak menziarahiKu." Anak Adam berkata, "Ya Tuhanku, bagaimana hendak aku ziarahiMu sedangkan Engkau Tuhan sekalian alam?" Allah menjawab, "Tidaklah engkau tahu bahawa hambaKu si fulan itu sakit, tetapi engkau tidak pergi menziarahinya? Tidak engkau tahu jika

engkau menziarahinya, nescaya engkau dapati Aku berada di sampingnya?" (Riwayat Muslim)

Walau pun hadis ini secara jelas menggunakan perkataan sakit pada Allah taala, namun bukan merujuk pada maknanya yang zahir kerana ia bercanggah dengan keagungan Allah taala.

Mengapa wujud *mutasyabihat* dalam Al-Quran dan Sunnah?

Sebahagian pihak mungkin bertanya, mengapa Allah dan RasulNya menggunakan lafaz *mutasyabihat*, jika ia boleh mengelirukan? Tidakkah Rasulullah s.a.w diutus untuk menerangkan bukan untuk mengelirukan? Jika Rasulullah s.a.w mengetahui lafaz *mutasyabihat* akan mengelirukan orang, kenapa

Rasulullah s.a.w tidak menjelaskannya sesuai dengan tugasnya?

Para ulama yang membenarkan takwil menjawab dengan menjelaskan pelbagai hikmah kenapa Allah taala dan RasulNya berbicara sedemikian.

Antara hikmahnya ialah, yang pertama, lafaz-lafaz ini diguna sebagai ujian Allah taala terhadap hamba-hambaNya sama seperti semua perintah dan larangan Allah taala yang lain. Allah taala ingin menguji sejauh manakah mereka berdiri di atas batasan yang telah ditetapkan dan kemampuan untuk mengikut apa yang telah diperintahkan kepada manusia, atau mereka akan melampaui batas dan mengikut yang *mutasyabihat* (yang samar-samar) sehingga menyesatkan orang lain sebagaimana dalam ayat 7 dari surah Al-Imran.

Hikmah kedua pula ialah Allah taala dan RasulNya berbicara dengan bahasa Arab yang fasih dan tinggi tahap kesusasteraannya sebagaimana firman Allah taala, "Dengan bahasa Arab yang jelas lagi menjelaskan." (Al-Syu'ara': 195)

Hikmah ketiga ialah Al-Quran berperanan sebagai mukjizat. Sebab itu Allah taala mencabar mereka yang ingkar akan kebenaran Al-Quran sebagai KitabNya supaya mendatangkan yang seumpamanya dari segi keindahan, kesusasteraan dan sekalian yang bersangkutan paut dengan ketinggian dan keindahan bahasa Arab, sebagaimana yang difirmankan, "Dan jika kamu meragui apa yang telah Kami turunkan ke atas Hamba Kami maka kamu datangkanlah satu surah yang seumpamanya dan panggillah saksi-saksi (pembantu pembantu) kamu selain Allah." (Surah Al-Baqarah: 23)

Jika Al-Quran diturunkan dengan gaya bahasa Arab biasa, ia tidak akan mengandungi nilai kehebatan untuk mencabar golongan mereka yang menolaknya. Namun ini bukan bererti seluruh Al-Quran diturunkan dengan bahasa Arab tinggi sehingga tidak boleh difahami oleh manusia biasa. Al-Quran mengandungi pelbagai jenis ayat dan antaranya ialah *muhkamat* (yang jelas tanpa perlu ditakwil) dan *mutasyabihat* (yang perlu diperjelaskan atau ditakwil) seperti yang difirmankan Allah dalam ayat 7 dari Surah Al-Imran.

Hikmah keempat ialah untuk mendekatkan kefahaman makhluk tentang Allah taala agar mereka mudah untuk beriman denganNya. Oleh kerana makhluk terbiasa dengan perkara yang mereka cerap dengan deria mereka, Allah taala datangkan sesuatu yang dapat mereka fahami dengan cara sedemikian. Sebagai contoh ialah menggambarkan syurga dengan nikmat makanan, buah-buahan, sungai dan lain-lain. Walaupun pada hakikatnya syurga itu sesuatu yang Rasulullah s.a.w telah sabdakan, "sesuatu yang tidak pernah dilihat oleh mata dan tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak pernah terlintas di hati manusia."

Mengatakan Allah tidak bertempat, tidak berada dalam masa, tidak di atas, tidak di bawah dan sebagainya akan menyukarkan manusia biasa memahaminya kerana seolah-olah manusia beriman pada sesuatu yang tidak wujud. Lalu digunakan ayat *mutasyabihat* bagi membolehkan Allah taala difahami secara spontan sahaja.

Memahami kata-kata sebahagian ulama Salaf

Antara kata-kata ulama Salaf yang tidak mahu mentakwilkan ayat-ayat *mutasyabihat* ialah:

- "Lalukannya (ayat/hadis *mutasyabihat*) sepertimana ianya datang."
- "Lalukannya (ayat/hadis *mutasyabihat*) di atas zahirnya?"

Kata-kata ulama Salaf ini boleh diuraikan dalam beberapa tahap:

Pertama ialah, memahaminya dari lafaz "Jalankannya / Lalukannya."

Ini boleh bermaksud mengguna nas-nas itu tanpa penekanan dan pembahasan kepada nas-nas yang *mutasyabihat* dan tidak mentakwilkannya dengan takwil yang terperinci kerana mereka tidak suka membicarakan perkara-perkara *mutasyabihat* secara berlebihan.

Kedua ialah ulama Salaf berkata sedemikian atas dasar pegangan mereka dengan kaedah *tafwidh* apabila berinteraksi dengan nas-nas yang *mutasyabihat* dan prinsip ini digunapakai hanya selepas mereka menyucikan Allah taala dari segala persamaan dengan makhluk. Dengan erti kata lain



mereka bertakwil dengan *takwil ijmalī*, iaitu Allah taala tidak menyerupai segala makhluk dan apa jua penyerupaan dengan makhluk tidaklah dimaksudkan makna zahirnya, walau pun makna sebenarnya tidak ditetapkan secara khusus.

Ketiga ialah yang dimaksudkan dari hadis itu ialah mengakui apa yang zahir pada lafaz, tapi bukan pada maknanya - fahamilah kamu akan nas-nas *mutasyabihat* sepertimana ia dilafazkan tanpa menyentuh makna sebenar yang dikehendaki dan tanpa membahaskannya atau bertanya maksud sebenarnya. Sebagai contoh ialah firman Allah taala, "Tangan Allah di atas tangan-tangan mereka." (surah Al-Fath: 10) dan "Al-Rahman bersemayam di atas 'arasy." (surah Taha: 5)

Melalui pernyataan di atas tadi, seolah-olah ulama Salaf mahu berkata, "Kamu lalui/jalani pembacaannya secara zahir tanpa membicarakan makna lafaz "tangan" dan "bersemayam" yang *mutasyabihat* dan tanpa menterjemahkan maksudnya."

Dengan ini, kata-kata ulama Salaf ini sama sekali tidak menunjukkan bahawa mereka berpegang kepada makna zahir nas-nas *mutasyabihat* kerana hakikatnya semua ulama mentakwil nas-nas *mutasyabihat* walaupun sekadar *ijmalī*. Mereka bersependapat bahawa makna yang zahir tidak dikehendaki dalam ayat *mutasyabihat* dalam masa yang sama mereka mensucikan Allah taala dari semua penyerupaan dengan makhluk. Namun, makna tepat yang dikehendaki diserahkan kepada Allah taala.

Fahaman sebegini dikuatkan lagi banyak pernyataan oleh ulama Salaf yang antaranya ialah;

- Diriwayatkan dari Imam Al-Syafi'i, "Telah disebutkan dalam kitab *Ithaf Sadat Al-Muttaqin Syarh Ihya'* (2/24): Sesungguhnya Allah taala sudah sedia ada, sedangkan tempat belum ada. Allah menciptakan tempat sedangkan Allah taala sentiasa bersifat yang azali iaitu Allah yang sudah sedia ada sebelum Dia menciptakan tempat. Oleh itu, tidak harus baginya perubahan pada ZatNya dan tidak boleh digantikan SifatNya [disebabkan penciptaan tempat]."

- Imam Hanafi berkata dalam kitab *Al-Fiqh Al-Absat* yang terdapat dalam *Majmu' Rasail Abi Hanifah* yang ditahqiq oleh Imam Al-Kauthari (ms. 20), "Aku bertanya: Apa pendapat engkau jika dikatakan "Di mana Allah"? Maka berkata Imam Abu Hanifah berkata: "Katakan kepadanya: Allah taala telah sedia ada dan tiada tempat makhluk dicipta. Allah telah sedia ada, sedangkan belum ada "di mana", makhluk dan sesuatu apa pun. Allah yang menjadikan segala sesuatu."
- Imam Abu Hanifah juga berkata dalam kitab *Al-Wasiyyah* dalam *Majmu' Rasail Abi Hanifah* (ms. 2), "Kami mengakui bahawa Allah taala *istawa* (bersemayam) di atas 'arasy tanpa Dia berhajat padanya dan tanpa menetap di atasnya kerana Allah jugalah yang memelihara 'arasy dan selain 'arasy tanpa berhajat kepada semua itu. Kalau Allah berhajat kepada semua itu, bagaimana Allah

mampu berkuasa menjadikan alam ini dan mentadbirnya dan jadilah Allah seperti semua makhluk juga. Jika Allah berhajat kepada duduk dan menetap di atas Arasy, di manakah Allah sebelum 'arasy dijadikan? Maha suci Allah dengan ketinggian dan kebesaranNya dari yang sedemikian itu."



Memahami kata-kata Imam Malik yang

masyhur

Apabila diajukan soalan mengenai firman Allah taala, "Al-Rahman *istawa* di atas 'arasy." (surah Taha: 5), Imam Malik berkata, "*Istiwa'* (bersemayam) itu sesuatu yang sudah dimaklumi. Bagaimana caranya adalah sesuatu yang tidak diketahui. Beriman dengannya adalah wajib. Bertanya tentangnya adalah bid'ah."

Yang dimaksudkan "dimaklumi" dalam pernyataan ini ialah dimaklumi dari segi kewujudannya dalam Al-Quran. Ia dimaklumi sebagai satu lafaz *mutasyabihat* yang mengandungi lima belas makna dalam bahasa Arab.

Ada pun lafaz "Bagaimana caranya adalah sesuatu yang tidak diketahui", adalah suatu penyelewengan dan tidak sah datang dari Imam Malik kerana apabila dikatakan "caranya tidak diketahui" ia memberi

maksud wujud cara itu cuma manusia tidak tahu bagaimana caranya. Pernyataan ini membenarkan *tashbih* penyerupaan Allah taala dengan makhluk.

Mengapa dikatakan begitu? Hal ini adalah kerana Allah taala suci dari apa jua cara dan bagaimana kerana ia memberi erti wujudnya bentuk dan tubuh badan yang mana Allah taala Maha Suci darinya. Walaupun seseorang menafikan penyerupaan bentuk Allah dengan makhluk, itu tidak bermakna dalam masa yang sama dia boleh menetapkan bentuk badan bagi Allah taala.

Riwayat yang sahih dari Imam Malik seperti yang disebutkan oleh Imam Ibn Hajar Al-`Asqalani di dalam kitab *Fath Al-Bari* yang mensyarahkan kitab hadis Imam Al-Bukhari (4/406-7), "*Istiwa*" itu sesuatu yang tidak dijahili akannya. Caranya adalah sesuatu yang tidak masuk akal. Beriman dengannya adalah wajib. Bertanya tentangnya adalah bid'ah."

tahap ilmu, tingkat intelektual, masa, tempat dan keadaan.

Berdasarkan kepada keterangan di atas, jelaslah bahawa ilmu dan bimbingan para ulama untuk memahami ungkapan para ulama yang terdahulu supaya dapat memahami maksud mereka dengan tepat dan sempurna serta mengelakkan diri dari terjebak kepada fitnah dalam isu akidah.



Ertinya *istiwa*' adalah sesuatu yang sudah diketahui akan adanya dalam Al-Quran. Tidak masuk akal pula untuk Allah mempunyai "cara dan bagaimana" apabila *istiwa*' kerana ia hanya berlaku bagi makhluk.

Imam Malik juga ada menambah, "Tidak dikatakan padanya (lafaz *mutasyabihat*) bagaimana kerana soal bagaimana tidak ada (bagi Allah taala)."

Kesimpulan

Al-Quran memiliki ketinggian bahasa dan nilai sastera tersendiri dan ia tidak mampu ditandingi oleh sesiapa pun. Di dalamnya terdapat ayat-ayat yang *muhkam* (jelas maksudnya) dan *mutasyabihat* (tidak jelas maksudnya kerana mempunyai pelbagai kemungkinan makna).

Golongan ASWJ menggariskan dua kaedah utama untuk kita berinteraksi dengan ayat-ayat *mutasyabihat*, a) menggunakan takwil yang benar, atau b) menggunakan prinsip *tafwidh*. Kedua-duanya berpunca dari penjelasan Al-Quran dan Sunnah dan ia diamalkan para ulama terdahulu dan kini. Penggunaan kededua kaedah ini turut mengambil kira



Tafsiran *Wasati* Bagi Maksud *Nusyuz*: Kajian Perbandingan Antara Golongan Ulama Islam & Feminis Muslim**

Oleh Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Md Yusoff,
Ustazah Khairunnisaa Abdul Rahim & Ustazah
Zanaria Jusary

Pendahuluan

Tulisan ini bertujuan untuk mengetahui maksud sebenar istilah *nusyuz* yang disebut dalam Al-Quran, surah Al-Nisa, ayat 34 (4:34) dan juga pada ayat 128 (4:128) di sisi golongan feminis Muslim¹

**Artikel ini merupakan sedutan sebahagian dari projek jurnal yang bertajuk Maksud *Nusyuz* dan Dharb: Kajian Perbandingan Antara Tafsiran Golongan Feminis Muslim & Ulama Islam sebagai sebahagian dari program Kursus Intensif Asatizah Singapura dengan tema: 'Tafsir Al-Qur'an dan Tajdid Pemikiran: Metodologi, Tema dan Permasalahan' anjuran Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dan Pusat Studi Al-Quran pada 27 Mei – 2 Jun 2012 di Jakarta, Indonesia.

¹Istilah 'Islamik Feminis' atau 'Muslim Feminis' mula kedengaran pada tahun 1990an di beberapa negara-negara tertentu. Para sarjana Iran yang bernama Afsaneh Najmabadi dan Ziba Mir-Hosseini merupakan antara mereka yang mula menjelaskan bahawa istilah ini semakin digunapakai dalam arena penulisan tidak kira dari sarjana lelaki mahupun wanita dalam tulisan mereka di jurnal wanita *Zaman* yang diterbitkan oleh Shahla Sherkat pada tahun 1992. Sarjana Arab Saudi yang bernama Mai Yamani menggunakan istilah yang sama pada bukunya yang bertajuk '*Feminism and Islam*' pada tahun 1996. Sarjana Turki, Yesim Arat dan Feride Acar pada artikel mereka, begitu juga Nilufer Gole pada bukunya '*The Forbidden Modern*' pada tahun 1991 ketika menjelaskan paradigma feminis baru yang berputik di Turki. Ia juga digunapakai oleh aktivis Afrika Selatan iaitu Shamima Shaikh pada tahun 1990an. Pada pertengahan tahun 1990an, istilah ini semakin jelas berkembang dan tersebar luas di kalangan para sarjana Muslim di segenap pelusuk dunia. Bagi sebahagian sarjana, istilah ini merujuk kepada advokasi Al-Quran sebagai kesetaraan gender dan keadilan sosial. Walau bagaimanapun terdapat para sarjana Muslim yang tidak ingin nama mereka dikaitkan dengan gelaran Feminis Muslim seperti Fatima Mernissi pengarang buku '*Women and Islam: An Historical and Theological Enquiry*' (kali pertama diterbitkan dengan nama '*Le harem Politique*' pada tahun 1978 dan dialihbahasa ke Inggeris pada tahun 1991 yang

dan juga ulama yang meliputi para mufassir Islam dan ulama semasa, serta apakah tafsiran yang paling *wasati* antara keduanya.

Analisa konteks surah Al-Nisa'

Sebelum kita pergi jauh pada maksud tafsiran *nusyuz* dari 4:34 dan juga 4:128, perlu diketahui juga latar belakang surah ini dan mengapa ia dinamakan surah Al-Nisa'.

Surah Al-Nisa' yang terdiri dari 176 ayat ini adalah surah *Madaniyyah* yang terpanjang sesudah surah Al-Baqarah. Dinamakan sedemikian kerana dalam surah ini banyak dibicarakan hal yang berhubungan dengan wanita serta merupakan surah yang paling banyak membicarakan hal itu dibandingkan dengan surah-surah Al-Quran yang lain. Surah lain yang banyak juga membicarakan perihal wanita ialah surah Al-Talaq. Dalam hubungan ini, surah Al-Nisa' biasa juga disebut dengan gelaran surah *Al-Nisa'* *Al-Kubra* (surah Al-Nisa' yang besar), sedang surah Al-Talaq disebut dengan sebutan surah *Al-Nisa'* *Al-Sughra* (surah Al-Nisa' yang kecil).²

*Siyaq*³ nas: mengapa disebut surah Al-Nisa'

ingin lebih dikenali sebagai Feminis Sekular. Terdapat juga pengarang feminis lain seperti Amina Wadud yang merupakan ahli teologi berbangsa Afrika-Amerika yang juga merupakan pengarang buku '*Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective*' dan juga Riffat Hassan, ahli teologi asal Pakistani yang kemudian berpangkalan di Amerika, kededuanya dahulu keberatan dengan gelaran ini, mula berubah fikiran dan menerima hakikat gelaran tersebut, asal sahaja masyarakat mengiktiraf dan memahami hasil kerja mereka. Margot Badran (2009), *Feminism in Islam: Secular and Religious Convergences*, Oxford: Oneworld Publications, ms. 243-5.

²*Al-Qur'an dan Tafsirnya* (2004), jld.4-6, Semarang: PT. Karya Toha Putra.

³*Siyaq* adalah petunjuk yang digunakan untuk menetapkan makna yang dimaksudkan oleh pembicara atau susunan kata. Ia adalah bingkai yang di dalamnya terhimpun unsur-unsur teks dan kesatuan kebahasaan yang berfungsi menghubungkan, bukan sahaja kata, tetapi juga rangkaian kalimat serta situasi dan kondisi yang menyertainya, lalu dari himpunan keseluruhan unsur tersebut ditemukan oleh pembaca/pendengar teks, makna atau idea yang dimaksud oleh teks. Sila lihat M. Quraish Shihab (2013), *Kaidah Tafsir: Syarat, Ketentuan dan Aturan Yang Patut Anda Ketahui Dalam Memahami Al-Quran*. Jakarta: Penerbit Lentera Hati, ms. 253-4

Walaupun bukan semua kandungan surah ini berkisar atau eksklusif tentang hal wanita dan ia mengandung banyak masalah yang tidak terkait sama sekali dengan hal wanita, timbul persoalan mengapa ia tetap dinamakan sebagai surah Al-Nisa? Menurut Imam Al-Zarkasyi dan Al-Suyuti, antara alasannya ialah surah ini mengandung banyak hukum-hukum tentang kaum perempuan yang tidak terulang pada surah-surah lain. Manakala Al-Qasimi pula memberi alasan lain, iaitu surah ini membicarakan tentang hal wanita lebih banyak daripada surah-surah yang lain.

Prof. Dr. Ibrahim Khalifah, seorang pakar tafsir di Universiti Al-Azhar, pula berpendapat cara memahami rahsia di sebalik nama sesebuah surah ialah dengan menelusuri seluruh kandungan surah secara mendalam sehingga akhirnya dapat menemukan semangat atau ruh yang terkandung pada surah tersebut.

Menurutnya, ruh atau semangat itulah yang menjadi sebab penamaan sesebuah surah.⁴

Berdasarkan teori ini kita dapat menyimpulkan bahawa semangat atau ruh surah ini tercermin pada dua hal; pertama ialah perlindungan dan penghormatan (*al-insaf*), sementara yang kedua pula ialah perbaikan (*al-islah*). Kedua hal tersebut terlihat begitu kuat dalam pembahasan tentang wanita dan tema-tema lainnya.

Sebagai contoh dalam ayat ke-3, surah ini memberikan perlindungan bagi wanita, khususnya di saat ia seorang yatim, seperti terlihat dalam sebab pewahyuan ayat poligami. Demikian pula ketika ayat tersebut menetapkan syarat ketentuan berpoligami. Di dalam ayat ke-4 pula, ia menetapkan mahar atau maskahwin bagi seorang lelaki ketika hendak menikahi seorang wanita sebagai tanda keseriusan dalam pertanggungjawapan terhadap wanita.

Dalam surah ini juga ditegaskan bahawa wanita berhak mendapat warisan dari orang tua dan kerabat yang terdekat. Sebelum Al-Quran diturunkan, harta warisan hanya dimonopoli oleh kaum lelaki sahaja. Sebagai bentuk perlindungan terhadap wanita, surah ini juga melarang wanita dijadikan sebagai warisan seperti layaknya harta,

setelah si suami meninggal dunia kerana sebelum ini, kaum wanita yang ditinggal mati suami boleh diwarisi oleh saudara suaminya seperti halnya harta peninggalan yang lain seperti yang telah diperjelaskan dalam surah Al-Nisa', ayat ke-19.⁵

Erti *nusyuz* dari segi etimologi

Sebelum dibahasakan erti *nusyuz* di dalam konteks ayat 4:34 dan juga 4:128, perlu diteliti dahulu asal penggunaannya dalam Bahasa Arab.

Perkataan *nusyuz* berasal dari perkataan *nashaza*

atau *al-nashzu*. Ia sering difahami sebagai bererti menderhaka atau tidak taat.

Di dalam *Lisan Al-'Arab*, Ibn Manzur menjelaskan asal makna *nusyuz* sebagai tempat yang tinggi dari bumi.⁶

Ibn Manzur menjelaskan lagi, perkataan *nusyuz* digunakan juga ketika

menerangkan tentang *Khatam Al-Nubuwwah* (tanda mohor kenabian). Di mana *Khatam Al-Nubuwwah* diterangkan sebagai *bidh'ah al-nasyizah* iaitu ketulan daging yang tertimbul di bahagian badan. Beliau juga menerangkan bahawa perkataan *nasyaza* juga boleh bererti bangkit dari posisi duduk.⁷

Ibn Faris di dalam *Maqayis Al-Lughah*, menyatakan bahawa perkataan *nasyaza* menunjukkan sesuatu yang tinggi. Kemudian beliau menerangkan bahawa perkataan *nasyaza* dipinjam atau dijadikan *isti'arah* (kata kiasan) bagi wanita yang memberi bermaksud menyukarkan suaminya. Ia juga digunakan sebagai *isti'arah* bagi suami yang memberi maksud memukul dan meninggalkan isteri.⁸

Menurut M. Quraish Shihab, perkataan *nusyuz* terulang sebanyak 5 kali dalam 3 konteks perbahasan Al-Quran:

- Konteks pertama, digunakan untuk membawa maksud berdiri untuk mempersilakan duduk bagi orang lain yang terlambat datang dalam sesuatu majlis.

⁵Ibid.

⁶Muhammad bin Mukarram ibn 'Ali bin Ahmad bin Manzur (1990), *Lisan Al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir, jld. 5, ms. 417.

⁷Ibid.

⁸Ahmad bin Zakariyya bin Faris (2001), *Mu'jam Maqayis Al-Lughah*, Damsyiq: Dar Al-Fikr, jld. 5, ms. 430.

⁴Muchlis M. Hanafi (2008), *Mengapa Disebut Surah Perempuan (Al-Nisa)?* (Tulisan persendirian dan tidak dibentangkan atau diterbitkan).

- Konteks kedua, digunakan ketika membicarakan tentang kederhakaan di dalam kehidupan rumah tangga.
- Konteks ketiga, digunakan di dalam erti mengangkat sesuatu yang telah bercerai-berai.⁹

Daripada penjelasan tersebut, dapat disimpulkan bahawa perkataan *nusyuz* pada asalnya digunakan untuk merujuk pada sesuatu yang tertimbul, tinggi dan bangun. Ia juga menunjukkan bahawa bangsa Arab telah menggunakan perkataan *nusyuz* untuk wanita dan lelaki.

Perbandingan tafsiran maksud *nusyuz* mengikut pandangan ulama Islam dan feminis Muslim¹⁰

⁹M. Quraish Shihab (2007), *Ensiklopedia Al-Quran: Kajian Kosa Kata*, Jakarta: Lentera Hati, ms. 20.

¹⁰Ghazala Anwar dalam wacana teologis feminis Muslim menggolongkan penafsiran feminis Muslim kepada lima kategori: i. Feminis apologis, meyakini bahawa Islam seperti yang tersirat dalam Quran dan Hadith telah memberikan semua yang diperlukan oleh kedua lelaki dan wanita bagi kesejahteraan dan pemenuhan peribadi masing-masing. ii. Reformis, menjadikan perbezaan antara teks otoritatif dengan tafsiran tentangnya. Bagi mereka teks-teks keagamaan tentang gender telah difahami secara tidak memadai dan disalah ertikan. iii. Transformasionis, bertujuan untuk mentransformasikan tradisi dengan tetap menggunakan hermeneutik klasik yang telah akrab dalam wacana Islam tradisional, namun dirumuskan dengan cara baru dan berbeza sama sekali dengan cara tradisional. Antara contoh feminis kategori ini ialah Masdar Farid Mas'ud, Mahmoud Muhammad Thaha dan sebagainya. iv. Rasionalis, timbul dari keyakinan bahawa Allah Tuhan yang Maha Adil, maka tentu Islam membawa misi keadilan terhadap sesiapa pun, baik di antara, sesama manusia yang berbeza agama mahupun jenis kelamin. Menurut aliran ini, Al-Quran hadir dengan mengkedepankan wacana keadilan dan kesetaraan gender. Antara tokohnya ialah Fazlurrahman, Amina Wadud, Asma Barlas dan lain-lain. v. Rejeksionis, menganggap bahawa memang terdapat teks Al-Quran dan Hadith dalam kaitan dengan wanita yang misoginis, seksis dan diskriminatif. Contoh tokoh ini ialah Taslima Nasreen. vi. Posmodernis, berpendapat harus dilakukan ex-sentralisme, iaitu keluar dari apa yang meletakkan lelaki sebagai pusat dari kehidupan sosial dan spiritual wanita seperti Ali Asghar

Perbincangan ini akan membincangkan pandangan para ulama Islam dari kalangan para mufasssir dan fuqaha dari zaman silam dan semasa dalam menafsirkan erti perkataan *nusyuz* dalam 4:34 dan juga 4:128. Ia kemudian akan melihat pandangan dari sudut kacamata golongan feminis Muslim dan melakukan perbandingan pendapat antara keduanya.

Skop pandangan golongan feminis Muslim yang ingin diperbahaskan dalam kajian ini ialah feminis Muslim 'rasionalis' (lihat notakaki 11) seperti Amina Wadud dan Asma Barlas.

Nusyuz dari kacamata pandangan ulama

Menurut Imam Al-Qurtubi, tafsiran *nusyuz* ialah apabila isteri derhaka dan meninggi diri dari mematuhi apa yang diwajibkan Allah ke atas mereka, seperti taat kepada suami.¹¹

Meninggi diri terhadap suami ialah perbuatan seperti meninggalkan perintah suami, menjauhkan diri daripadanya, mengelak diri darinya serta menyebabkan suaminya marah dan memandang rendah terhadap suami.¹²

Bagi Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhayli, *nusyuz* di pihak isteri ialah apabila beliau derhaka terhadap suami dalam perkara yang diwajibkan ke atasnya, bersikap membencinya atau keluar rumah tanpa izin suami.¹³

Kebanyakan ulama silam seperti Al-Tabari, Al-Qurtubi, Ibn Kathir dan lain-lain memahami *nusyuz* dengan erti yang tidak lari dari maksud ketidaktaatan para isteri terhadap suami yang meliputi sebab tidak mematuhi perintah yang diwajibkan Allah ke atas mereka, meninggi diri ke

Engineer. Sila lihat: Dr MS. Abdul Mustaqim (TT), *Paradigma Tafsir Feminis: Membaca Al-Quran Dengan Optik Perempuan*, Yogyakarta: Logung Pustaka, ms. 149-157.

¹¹Al-Qurtubi (2006), *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*, ed. Dr. `Abd Allah bin `Abd Al-Muhsin Al-Turki et al, jld. 6, Damsyiq: Muassasah Al-Risalah, ms. 285.

¹²Ibn Kathir Al-Dimashqi (1998), *Tafsir Al-Qur'an Al-Azhim*, Muhammad Husayn Sham Al-Din (ed.), Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah jld. 2, ms. 492.

¹³Dr. Wahbah Al-Zuhayli (1989), *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, jld. 7, Beirut: Dar Al-Fikr, ms.338.

atas suami, meninggalkan perintah suami, menjauhkan diri daripada suami serta mengelakkan diri dari suami.

Sekalian pendapat yang disebutkan tadi adalah merujuk kepada firman Allah dalam surah I-Nisa ayat 34 yang bermaksud:

“Wanita-wanita yang kamu khawatirkan *nusyuznya*, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.”

Namun, *nusyuz* dalam Al-Quran bukan hanya eksklusif terhadap isteri sahaja, ia juga berlaku terhadap para suami juga yang disebut dalam 4:28, “Dan jika seorang wanita bimbang akan *nusyuz* atau berpaling dari suaminya maka tidak mengapa bagi kedua-duanya mengadakan *sulh* yakni penamatan pertikaian yang sebenar-benarnya dan *sulh* itu lebih baik (bagi mereka)”

Menurut Said Hawa dalam kitabnya *Al-Asas Fi Al-Tafsir*, *nusyuz* di sini bermaksud mengabaikan isteri dengan menghalang dirinya daripada isteri, tidak memberi nafkah, menyakitinya dengan maki hamun atau memukulnya.¹⁴

Selain itu, segala tindakan suami yang enggan menunaikan hak spiritual, material atau bertindak kasar terhadap isteri juga dikira sebagai *nusyuz*. Hak spiritual ini termasuklah keperluan untuk berhubungan yang baik dengan isteri, memenuhi kepuasan seksual, memberi pendidikan agama, tidak menghina dan mengasari isteri. Hak material isteri pula ialah memberikan maskahwin, nafkah dan mut'ah yakni pampasan jika berlaku perceraian tanpa *nusyuz* isteri.¹⁵

Ini juga dipersetujui pendapat ulama masakini, seperti Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaili dan juga Prof. Dr. M. Quraish Shihab yang menyatakan bahawa termasuk dalam perlakuan *nusyuz* suami ialah tiadanya sikap rahmah, baik dari percakapan serta meremehkan isteri dan menghalangi hak-hak yang sewajarnya diperolehi isterinya.

¹⁴ Said Hawa (1989), *al-Asas fi al Tafsir*, jld. 2, Beirut: Dar al-Salam, ms 1194.

¹⁵ Al-Qurtubi (2006), *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*, ed. Dr. 'Abd Allah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turki et al, jld. 5, Damsiyq: Muassasah Al-Risalah, ms. 422.

Dalam hal ini juga boleh disimpulkan dalam keadaan seorang isteri atau suami yang berzina atau curang dengan pasangan masing-masing dengan menjalin kasih dengan lelaki atau wanita lain juga termasuk dalam maksud *nusyuz* pada ayat 4:34 yang bermaksud derhaka, meninggalkan perintah suami mahupun tidak mematuhi perintah yang diwajibkan Allah ke atas mereka.¹⁶ Ia juga tidak lari dari maksud tafsiran ayat 4:128 di sisi para ulama tafsir yang meliputi maksud mengabaikan isteri dengan menghalang dirinya daripada isteri, memenuhi kepuasan seksual mahupun berlaku adil kepada isteri lantaran sikap suami yang menduakan

isteri dengan wanita lain.

Bahkan menurut Prof. Dr. Hamka, maksud *nusyuz* di sini juga apabila hilangnya rasa cinta atau berpaling hati kepada orang lain sehingga ingin menceraikan isterinya atas sebab demikian.¹⁷

Ini dapat disimpulkan dengan baik oleh Al-Zuhaili yang menyatakan *nusyuz* adalah ketidakpatuhan salah satu pasangan terhadap apa yang seharusnya dipatuhi, atau rasa benci terhadap

pasangannya. Dengan kata lain, tidak taatnya suami atau isteri kepada aturan-aturan yang telah diikat oleh perjanjian yang telah terjalin dengan sebab ikatan perkawinan tanpa alasan yang dibenarkan oleh syarak.¹⁸

Nusyuz dari kacamata feminis Muslim

Berbeza dengan tafsiran para ulama Islam pada ayat 4:34 dan juga 4:128, golongan feminis Muslim memberikan pengertian *nusyuz* dengan konotasi yang amat berbeza sekali.

Golongan ini mengistilahkan maksud *nusyuz* sebagai terjadinya keretakan di dalam rumah tangga atau ketiadaan harmoni antara suami isteri di dalam keluarga. Mereka seterusnya menolak tafsiran *nusyuz* yang bermaksud ketidaktaatan isteri kepada suami. Menurut mereka, kewajiban taat yang diambil dari lafaz *qanitat* pada ayat 4:34 mempunyai makna umum dan merujuk pada

¹⁶ Sila lihat *Syariah Courts (2012)*, Singapore *Syariah Appeals Reports 2012*, Singapore: Academy Publishing.

¹⁷ Prof. Dr. Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1983), *Tafsir Al-Azhar*, jld. 4, Jakarta: PT Pustaka Panjimas, ms. 304.

¹⁸ Dr. Wahbah Al-Zuhayli (1989), *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, jld. 7, Beirut: Dar Al-Fikr, ms.338.

perilaku seorang manusia terhadap Allah s.w.t., yang meliputi juga suami, bukan khusus pada ketaatan isteri kepada suami sahaja.¹⁹ Dengan itu, mereka tidak mengkhususkan *nusyuz* pada ayat ini hanya kepada isteri, tetapi juga pada suami.

Menurut Amina Wadud, Al-Quran tidak pernah memerintahkan isteri untuk mentaati para suami. Ia juga tidak pernah menegaskan bahawa ketaatan isteri terhadap suami merupakan antara ciri-ciri wanita yang baik.²⁰ Malah, Al-Quran juga tidak memaksa isteri Nabi s.a.w. supaya mentaatinya. Rasulullah s.a.w. juga tidak pernah memerintahkan isterinya untuk mentaatinya.²¹

Manakala menurut mereka perkataan *nusyuz* pada ayat 4:128 bukan sahaja merujuk kepada suami sahaja, tetapi juga isteri. Dalam hal ini, mereka mempertikaikan mengapa ayat ini tidak disebut sebagai ketidaktaatan suami terhadap isteri seperti mana tafsiran ulama Islam pada ayat 4:34, mengapa apabila perkataan yang sama dirujuk kepada isteri, ia ditafsirkan sebagai ketidaktaatan isteri kepada suami.

Menurut Asma Barlas, perkara ini berlaku kerana kefahaman para ulama terhadap ayat ini dipengaruhi oleh ketidaksetaraan gender dan bersifat memihak (bias) kepada kaum lelaki.²²

Menurut Sayyid Abdurrahman bin Husein bin Umar, tafsiran yang memihak ini berpunca dari sudut hak suami atas isterinya iaitu dalam mendapatkan ketaatan, pelayanan yang baik, penyerahan diri, dan, yang terakhir, berlangsung ketenangan. Dengan demikian, *nusyuz* boleh terjadi di pihak isteri, jika berlaku pelanggaran empat perkara yang menjadi hak suami tadi.²³

Dengan ini, melalui kacamata golongan feminis Muslim, kedudukan wanita menjadi sangat tergantung pada kaum lelaki. Seringkali, apabila berada dalam lingkungan hubungan suami-isteri, posisi wanita didefinisikan oleh pespektif suami dan ketika mereka berada di lingkungan keluarga, hak wanita pula sangat dibatasi oleh orang tua mereka, dan dalam hal ini adalah bapa dan saudara lelaki mereka.²⁴



Pada masa yang sama, seperti mana dalam tafsiran ulama Islam, maksud *nusyuz* kedua ayat ini di sisi feminis Muslim juga meliputi keadaan seorang isteri atau suami yang berzina atau curang dengan pasangan masing-masing dengan menjalin kasih dengan lelaki atau wanita lain, kerana ini juga termasuk dalam maksud umum *nusyuz* akan ketiadaan harmoni antara suami isteri di dalam keluarga pada ayat 4:34, serta maksud ketidaktaatan antara suami terhadap

isteri atau sebaliknya pada ayat 4:128.

Kesimpulan

Perbahasan ringkas *nusyuz* dari kacamata ulama Islam dan golongan feminis Muslim menunjukkan perbezaan berlegar pada maksud ketaatan isteri terhadap suami pada ayat 34, surah al-Nisa.

Daripada kajian ini juga, didapati bahawa tafsir tradisional dan feminis berbeza di dalam memahami perkataan *nusyuz*. Penulis berpandangan bahawa di dalam hal ini, penafsiran tradisional adalah lebih *wasati*²⁵, tepat dan sesuai. Ini adalah kerana pengertian ketidaktaatan dan menentang suami lebih menepati dengan penggunaan asal *nusyuz* dari segi bahasa dan konteks bagi tafsiran ayat 34 bagi surah al-Nisa. Begitu juga dengan tafsiran ayat 128 yang dirujuk kepada para suami sahaja.

¹⁹ Amina Wadud (1999), *Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective*, New York: Oxford University Press, ms. 74.

²⁰Ibid, ms. 77.

²¹Asma Barlas (2010), *Believing Women in Islam: Unreading Patriarchal Interpretation of the Qur'an*, Texas: The University of Texas Press, ms. 187.

²²Ibid, ms.186.

²³Syafiq Hashim (2001), *Hal-hal Yang Tak Terfikirkan Tentang Isu-Isu Keperempuanan Dalam Islam*, Bandung: Penerbit Mizan, ms. 260-1.

²⁴Ibid.

²⁵*Wasati* di sini adalah seperti mana yang dijelaskan oleh Al-Qaradawi iaitu mengimbangkan antara perkara tetap dalam syariat dan yang boleh berubah mengikut keadaan semasa. Mengekalkan objektif sebenar serta perkara asas yang merupakan teras syariat tetapi anjal dalam gaya, daya bahasa yakni *uslub* dan perkara cabang. Sila lihat Yusuf Al-Qaradawi (2017), *Islam Agama Wasatiy: Menanggapi Wasatiyyah Dan Ekstremisme Menurut Pandangan Syarak*, Rosli Mokhtar (terj.), Kuala Lumpur: Ilham Books, ms. 78.

Manakala pandangan feminis Muslim yang menyatakan bahawa *nusyuz* bukan bererti taat kerana wanita tidak diperintahkan untuk mentaati suami adalah bertentangan dengan hadith-hadith Rasulullah yang menunjukkan secara jelas kewajiban isteri untuk mentaati suami. Penafsirannya sebagai ketiadaan harmoni pada ayat ini adalah juga meliputi pihak suami dan bukan sekadar isteri sahaja. Oleh itu, ia tidak sesuai dengan konteks ayat yang dibincangkan kerana ayat tersebut mengaitkan *nusyuz* dengan para isteri (*nusyuzahunna*).

Walaupun begitu, tafsiran ulama Islam dan feminis Muslim ini tidak berselisih tentang langkah-langkah yang disarankan oleh Al-Quran bagi para isteri yang *nusyuz*, tidak kira sama ada isteri tersebut *nusyuz* dengan sebab tidak taat terhadap para suami mahupun kerana berlaku keretakan atau tiada harmoni antara kedua suami dan isteri dalam rumahtangga.

Kesepakatan antara tafsiran para ulama tafsir Islam dan golongan feminis Muslim ini juga jelas dalam membicarakan maksud *nusyuz* dalam ayat 4:128, di mana kedua-dua golongan ini tidak berselisih pada pendapat maksud *nusyuz* dalam ayat ini yang memberi maksud mengabaikan isteri atau tidak melaksanakan tanggungjawab fizikal dan juga spiritual. Cuma bezanya, tafsiran feminis Muslim ini juga turut meliputi pihak isteri juga. Namun sekali lagi pendapat ini tidak sesuai dengan konteks ayat yang dibincangkan kerana ayat tersebut secara jelas dari sudut penggunaan bahasa dan ganti nama merujuk *nusyuz* di sini terhadap suami.

Melalui perbincangan ini dapat difahami di sebalik suara-suara lantang golongan feminis Muslim dalam menafsirkan semula ayat-ayat Al-Quran, mereka sebenarnya mempunyai hasrat yang baik dalam memberikan tanggapan yang benar pada Islam seperti golongan feminis Muslim rasionalis. Golongan ini menitikberatkan imej Islam sebagai agama yang sarat dengan nilai suci dan murni seperti nilai keadilan dan kesetaraan antara gender. Namun ini bukan bermakna bahawa segala apa yang dinyatakan mereka adalah benar belaka dan kita kita perlu menerima segala hujah mereka.

Pada masa yang sama, apa yang penting sebagai asatizah atau sarjana Islam bagi menyanggah kekurangan pendapat mereka ini, perlulah terlebih dahulu arif dan memahami metodologi atau kerangka pemikiran mereka sebelum mengkritik secara melulu seperti mempelajari metodologi tafsir

hermeneutika²⁶ yang mereka gunakan. Kegagalan dalam memahami sumber pemikiran golongan ini seperti beranggapan bahawa mereka menentang ayat-ayat Quran, merupakan satu tindakan yang kurang tepat, sedangkan apa yang sebenarnya ialah tanggapan mereka terhadap segolongan ulama yang bersikap memihak (bias) dalam menafsirkan ayat-ayat Al-Quran, dan bukannya ayat-ayat Quran itu sendiri yang dipermasalahkan.

Penulis juga beranggapan bahawa tafsir pada ayat-ayat tertentu juga perlu dinilai dengan pandangan atau *worldview* yang lebih menyeluruh sesuai dengan konteks pada masa ayat ini diturunkan (*asbab al-nuzul*) dan juga konteks pada masa kini, namun berpegang teguh pada metod dan kerangka kerja yang telah ditetapkan oleh ulama silam, terutamanya dalam konteks kemajuan wanita hari ini dan perlu kepada kefahaman yang baru sesuai dengan prinsip syariah yang digariskan oleh Al-Quran dan

Sunnah, pendapat ini selari dengan pandangan Dr. Muhammad 'Imarah dan juga Sheikh Muhammad Sa'id Ramadan Al-Buti.²⁷



²⁶Bagi penerangan terperinci perbincangan bagi maksud hermeneutika dan metodologi tafsir hermeneutika ini, sila lihat M. Quraish Shihab (2013), *Kaidah Tafsir: Syarat, Ketentuan dan Aturan Yang Patut Anda Ketahui Dalam Memahami Al-Quran*. Jakarta: Penerbit Lentera Hati, ms. 428. Lihat juga Adian Husain et. al. (2007), *Hermeneutika & Tafsir Al-Qur'an*, Jakarta: Gema Insani, ms.xii dan Khudori Soleh (2004), "Hermeneutika Dan Metode Tafsir", *Psikoislamika*, Fakultas Psikologi Universitas Islam Negeri (UIN), Malang. Jld. 1, boil. 1, ms. 26.

²⁷Sila lihat wacana perbincangan isu yang sama melalui Prof. Muhammad 'Imarah (2010), *Haqaiq Wa Shubhat Hawla Makanat Al-Mar'ah Fi Al-Islam*, Kaherah: Dar Al-Salam, ms. 171. Lihat juga Muhammad Sa'id Ramadan Al-Buti (2009), *Women Between the Tyranny of the Western System and the Mercy of the Islamic Law*, Nancy Roberts (terj.), Beirut: Dar Al-Fikr.

Melayu Yang Hebat: Menanggapi Sejarah Dengan Kaca Mata Kesederhanaan

Oleh Mohammad Hafiz Kusairi

Dewasa ini menyaksikan peningkatan di dalam minat awam terhadap identiti bangsa Melayu dan sejarah yang berkaitan dengannya melalui penulisan dan pembacaan bahan-bahan yang berunsur akademik.

Keadaan ini menambah menarik kerana penghasilan karya-karya ini tidak lagi terbatas kepada para pembaca kalangan akademik sahaja tetapi sudah menarik perhatian pembaca umum.

Sebagai contoh, buku *Membongkar Rahsia Dunia Melayu: Pribumi Asia Tenggara Menjawab Kekeliruan Sejarah* yang diterbitkan oleh Hijjaz Records Publishing telah laris dalam masa 21 hari semenjak percetakannya pada tahun 2017 dan kini sudah melalui cetakan kelima.

Hal ini juga boleh disebabkan oleh cara karya-karya ini ditulis dan dipersembahkan: lengkap dengan petak-petak informasi dan gambar replika untuk menguatkan lagi pemahaman dan penghargaan pembaca.

Buku *"Teknologi Kesultanan Melaka: Membongkar Keagungannya Berdasarkan Catatan Portugis"* karya Hasanuddin Yusof dari Maktab Penyelidikan Tamadun Islam Nusantara turut menggunakan pendekatan yang sama.

Perkembangan yang sihat ini didorong oleh faktor-faktor seperti globalisasi yang bukan sahaja menyaksikan maklumat yang semakin merentasi maya, bahkan juga melihat bertambahnya pergerakan manusia melintasi perbatasan fizikal sesebuah negara yang diduduki masyarakat Melayu.

Ia juga turut dipengaruhi oleh cara pemerintah memanfaatkan perkembangan terbaru ini untuk memajukan agenda mereka terutama dalam bidang ekonomi yang mana ia menyebabkan tanggapan

bahawa penduduk Melayu di sesebuah tempat sedang dimarginalisasi. Ini bukan sahaja dalam aspek material namun juga pada faktor-faktor yang berkait dengan identiti mereka sebagai bangsa asal seperti bahasa dan bahkan juga agama.

Di samping itu, perkembangan ini dianggap sebagai suatu pengulangan yang hampir serupa apabila Revolusi Industri mendorong pergerakan manusia merentasi sempadan terutama sekali usaha pihak Barat untuk memanfaatkan ramuan mentah yang terdapat di benua Asia dan Afrika untuk memajukan perindustrian di negara mereka sendiri. Hasil daripada hal ini turut

menyaksikan penghakisan pada pendapatan kewangan para penduduk Melayu dan juga identiti mereka.

Seorang sejarawan, William J. Duiker menyifatkan penjajahan pihak Barat di Asia Tenggara sebagai berikut, "Where colonial masters encountered resistance and were forced to overthrow local political elites, they often adopted policies designed to eradicate the source of resistance and destroy the traditional culture. Such policies often had quite corrosive effects on the indigenous societies..."

Penghakisan identiti ini semakin diburukkan lagi dengan sikap para penjajah

yang mula menetapkan bahawa maju mundur sesuatu kaum di dalam sesuatu bidang adalah disebabkan oleh nilai-nilai yang sedia ada pada diri mereka (*inherent values*).

Frank Swettenham yang merupakan Residen-Jeneral pertama bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (*Federated Malay States*) di dalam bukunya *The Real Malay* yang diterbitkan pada tahun 1980 menyifatkan orang Melayu sebagai, "...lazy to a degree, is without method or order of any kind, knows no regularity even in the hours of his meals, and considers time as of no importance. His house is untidy, even dirty but he bathes twice a day, and is very fond of personal adornment in the shape of smart clothes."



Oleh itu, peningkatan pada bahan bacaan yang berkait dengan identiti bangsa Melayu ini boleh dibahagikan kepada tiga sebab:

1. Realiti globalisasi yang menimbulkan keprihatinan tentang terhakisnya nilai-nilai keMelayuan akibat dipengaruhi budaya-budaya "luar" yang dianggap kurang sihat
2. Realiti hari ini yang dilihat bagai realiti "sejarah berulang kembali" melalui aspek penjajahan yang menghakis hak dan identiti orang Melayu


3. Kemahuan untuk merungkai kembali segala salah tanggapan tentang identiti bangsa Melayu yang diwujudkan oleh k penjajah. Ini juga termasuk menggali kembali beberapa khazanah yang terkait dengan bangsa Melayu seperti sejarahnya yang sering disalahgunakan untuk menggambarkan kelemahan akal dan wibawa atau pun dianggap sebagai mitos semata yang tidak perlu diberikan perhatian serius sama sekali.

Dari tiga sebab yang disebabkan di atas ini, maka boleh juga disimpulkan tiga faedah yang boleh diraih daripada peningkatan minat terhadap bahan bacaan berkaitan identiti bangsa ini:

1. Pengenalan dan penghargaan terhadap nilai-nilai mulia yang ada pada bangsa Melayu. Oleh itu, anak bangsa tidak menjadi insan yang hanya mengikut-ikut sesuatu tren yang jorok. Ini juga menambah penghormatan terhadap generasi terdahulu yang mengamalkan dan melestarikan nilai-nilai mulia ini.
2. Menimbulkan penghargaan kepada pembelajaran sejarah itu sendiri. Sejarah bukan sekadar suatu proses pembelajaran tentang kejadian masa lampau tetapi sesuatu proses menghayati sebab dan akibat sesuatu kejadian di masa lampau dan berusaha untuk mengambil pembelajaran daripadanya agar yang baik dapat diteruskan dan yang ceta dapat dielakkan daripada berulang.

3. Meluruskan kembali fakta sejarah berperanan membina jati diri suatu bangsa yang terhambat disebabkan bebanan sejarah yang dicoret oleh tangan-tangan yang tidak bertanggungjawab dan yang berkepentingan. Keyakinan diri seorang anak bangsa tidak dapat tidak akan terpalit semangat yang negatif disebabkan kepercayaan tentang asal-usulnya yang telah diasak bertubi-tubi oleh fakta-fakta yang kurang tepat.

Namun, tiga faedah yang disebutkan ini tidaklah bermakna bahawa kecenderungan yang ditunjukkan ini tidak bermasalah.



Sejarah dan realiti di sesetengah negara di dunia hari ini telah membuktikan bahawa penghayatan terhadap nilai kebangsaan yang tidak seimbang akan melahirkan sifat *supremacist* iaitu sifat melampau di dalam merasakan bahawa sesuatu kaum itu bukan sahaja hebat, tetapi kehebatannya melampaui kehebatan bangsa lain. Bahkan kehebatan bangsa lain pula direndahkan sama ada dengan mengaitkannya dengan dorongan-dorongan materialistik semata-mata ataupun lebih teruk lagi, melihat kaum lain sebagai hina dan keji.

Natijahnya lahirlah sifat takbur pada diri sendiri yang melahirkan kebencian dan diskriminasi terhadap bangsa

lain. Ini bercanggah dengan fungsi sebenar sesuatu kaum digalakkan untuk mendalami pengetahuan mereka tentang identiti mereka sebagaimana yang telah disebutkan di dalam Al-Quran,

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)." (Al-Hujurat: 13)

Dari sifat kebencian yang tersebut di atas ini lahirlah *Ku Klux Klan* di Amerika, bahkan antara sebab kenaikan Adolf Hitler ke persada kekuasaan dan seterusnya

menjadi pencetus Perang Dunia Kedua adalah disebabkan oleh gabungan dua perkara merbahaya yang disebutkan di atas tadi: Kepercayaan yang melampau terhadap kehebatan bangsa sendiri dan kebencian terhadap bangsa lain.

Hari ini, tindakan pemerintah sesetengah negara yang menentang kemasukan pelarian perang ke dalam negara-negara mereka ataupun perancangan mengambil langkah drastik untuk membina tembok-tembok tinggi dengan justifikasi yang berbaur kebencian dan diskriminasi mendapat sokongan padu daripada rakyat mereka sendiri.

Selain daripada kegagalan mengimbangi kemuliaan pada diri sendiri dengan penghargaan terhadap bangsa lain kegagalan memupuk sifat bersederhana di dalam menanggapi sejarah bangsa sendiri akan melahirkan kecenderungan bernostalgia.

Segala usaha untuk mengkaji kembali dan melahirkan kegemilangan sejarah sama ada dari bentuk manuskrip dan pameran merupakan inisiatif yang penting bagi memupuk kesedaran tentang kemurniaan dan kemuliaan sesuatu kaum yang telah terhakis dan dimakan masa.

Walau bagaimana pun, inisiatif seperti ini juga sepatutnya mencetus kesedaran di dalam jiwa kita tentang perlunya kita menyambung legasi hebat yang ditinggalkan oleh orang terdahulu.

Kekaguman kita terhadap kehalusan seni bangsa kita yang terserlah pada pembinaan bahtera-bahtera besar dan juga alat mempertahankan diri seperti keris tidak sepatutnya menjadikan kita teruja untuk semata-mata mencipta bahtera dan keris di zaman ini. Sebaliknya, ia sepatutnya menjadi premis untuk kita merenung tentang sifat orang terdahulu yang tekun, teliti, amanah dan berdaya saing di dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab.

Bahtera pada zaman dahulu adalah lambang kekuasaan kerana ia merupakan wadah bagi mempertahankan tanahair dari musuh, wadah bagi meluaskan kekuasaan dan wadah bagi meraih keuntungan melalui perdagangan.

Sebahagian ahli sejarah pula menyifatkan bahawa kisah penerokaan Raja Chulan ke dasar lautan sebagai suatu gambaran tentang keperluan sesuatu bangsa itu mendalami lautan ilmu yang luas. Maka setiap pengamat sejarah sepatutnya membuat anjakan daripada ruang lingkaran nostalgis dan sebaliknya merenungkan pula bagaimana semangat dan sifat yang menghasilkan kesan-kesan sejarah tersebut dapat dihidupkan semula untuk menghasilkan sumbangan-sumbangan yang lebih bermakna hari ini sesuai dengan firman Allah taala, "Dia (Allah) yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya." (Hud: 61)



Oleh itu, sebagai menambah nilai kepada peningkatan minat terhadap identiti dan sejarah bangsa Melayu, perlulah dipastikan bahawa ia tidak sekadar merupakan proses kesedaran terhadap nilai-nilai positif yang ada pada bangsa kita ataupun pembetulan terhadap kesilapan-kesilapan sejarah semata-mata. Sebaliknya ia perlu melahirkan usaha-usaha yang konkrit ke arah memakmurkan bumi Allah. Hanya dengan persepsi yang demikian di dalam menanggapi sejarah Melayu, barulah kita dapat menghidupkan kembali nilai-nilai yang kian pudar dan pada waktu yang sama menjadikan diri kita

menyayangi dan disayangi oleh bangsa-bangsa lain yang tidak kurang hebatnya juga.

"Bagaimanakah Melayu abad kedua puluh satu
Masihsan tunduk tersipu-sipu?
Jangan takut melanggar pantang
Jika pantang melanggar kemajuan;
Jangan segan menentang larangan
Jika yakin pada kebenaran;
Jangan malu mengucapkan keyakinan
Jika percaya kepada keadilan
Jadilah bangsa yang bijaksana
Memegang tali memegang timba
Memiliki ekonomi mencipta budaya
Menjadi tuan di negara merdeka."

(Melayu oleh Usman Awang)